

**YURAN  
PENYERTAAN  
RM300.00**  
**Termasuk  
Sijil Penyertaan &  
Buku  
TEMPAT TERHAD!!**


Rakan Sinergi



**PNB**

# BENGKEL

## HIBAH SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA



**27 SEPTEMBER 2025 (SABTU)**



**8.00 PAGI – 5.00 PETANG**



**HALL@8, ARAS 8  
HOTEL PREMIERA KUALA LUMPUR**

**QR PENDAFTARAN**



**TEKAN PAUTAN PENDAFTARAN**

**Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:**

Pn. Hjh. Mazlina Ismail : 03-6204 6325  
Cik Raihan Farina Redzuan : 03-6204 6326  
E-mel: [program@ikim.gov.my](mailto:program@ikim.gov.my)

RAKAMAN OLEH:



[program@ikim.gov.my](mailto:program@ikim.gov.my)



[program.ikim.gov.my](http://program.ikim.gov.my) / [ikim.gov.my](http://ikim.gov.my)



## PENDAHULUAN

Secara umumnya hibah ialah pemberian atau pemindahan hak milik harta tanpa sebarang balasan ketika masih hidup, dan dilakukan secara sukarela. Instrumen perancangan harta ini dilihat sebagai instrumen yang paling menarik untuk digunakan dan dimanfaatkan. Semua individu sama ada waris ataupun bukan waris kepada pemilik harta mempunyai kedudukan atau potensi yang sama sebagai penerima hibah. Bahkan, individu bukan Islam juga dibenarkan sebagai penerima hibah. Sekiranya instrumen ini dilaksanakan dengan cara yang saksama dan bijaksana, hibah boleh mengelakkan daripada berlakunya pelbagai isu dan masalah yang timbul selepas kematian pemilik harta.

Sebagai salah satu instrumen perancangan harta, terdapat hibah dalam bentuk bersyarat yang dibahagikan kepada dua jenis, iaitu hibah 'umra dan hibah ruqba. Hibah 'umra ialah hibah (pemberian) yang diberikan ketika hidup dengan mensyaratkan harta dikembalikan kepada pemberi hibah sekiranya penerima hibah meninggal dunia. Jika pemberi hibah meninggal dunia, harta hibah dipulangkan kepada waris pemberi hibah. Hibah ruqba pula ialah pemberian yang dengan syarat bahawa apabila berlaku kematian seorang daripada pemberi atau penerima hibah, yang hidup akan memiliki harta tersebut. Selain hibah dalam bentuk bersyarat, terdapat juga instrumen yang diistilahkan sebagai "hibah amanah". Hibah amanah merupakan satu inovasi pelaksanaan hibah dalam sistem kewangan Islam di Malaysia. Produk ini telah dirintis dan diperkenalkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) di bawah produk Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Produk ini merupakan pemberian oleh pemegang unit atas dasar kasih sayang pada masa hayat pemberi hibah berdasarkan terma dan syarat tertentu. Setiap kategori hibah mempunyai kekuatan dan kelebihan yang tersendiri, maka disini lah peluang kepada peserta untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam supaya instrumen ini dapat digunakan dan dimanfaatkan secara efektif dalam perancangan harta.

## OBJEKTIF

1. Memberi kefahaman kepada peserta berkenaan hibah dari aspek hukum syarak,
2. Memberi kefahaman mengenai perbezaan antara hibah mutlak, hibah 'umra serta ruqba dan hibah amanah,
3. Memberi pendedahan serta bimbingan kepada peserta berkenaan dokumentasi hibah, dan elemen yang perlu ada dalam dokumentasi tersebut, dan
4. Memahami ciri-ciri hibah amanah serta contoh-contoh produk hibah amanah yang terdapat dalam pasaran di negara ini.

## ATUR CARA

8.00 pagi - : Pendaftaran Peserta & Sarapan  
8.30 pagi

8.30 pagi - : Bacaan Doa  
9.00 pagi

**Ucapan Alu-aluan oleh:**

**YBrs. Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad**

*Pengarah, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK)  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*

**Ucapan oleh:**

**YBrs. Dr. Ahmad Basri bin Ibrahim**

*Ketua Pengurusan Syariah PNB*

**Penyampaian Cenderamata oleh:**

**YBrs. Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad**

*Pengarah Pusat SYARAK  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*

9.00 pagi - : **SESI I**  
10.30 pagi : **Moderator: YBrs. Puan Siti Shamsiah binti Md Supi**

*Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat SYARAK,  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*

**HIBAH: HUKUM-HAKAM**

**Panel: YBrs. Dr. Mohd Zamro bin Muda**

*Timbalan Dekan Prasiswa, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

10.30 pagi - : Rehat  
11.00 pagi

11.00 pagi - : **SESI II**  
12.30 tgh.hari : **Moderator: YBrs. Puan Natasha Khairun'nisya Alqasasy binti Mohamed Sufee**

*Associate Manager, Pengurusan Syariah PNB*

**HIBAH AMANAH: AMALAN DI PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)**

**Panel: YBrs. Dr. Ahmad Basri bin Ibrahim**

*Ketua Pengurusan Syariah PNB*

12.30 tgh.hari - : Makan tengah hari dan solat zuhur  
2.00 petang

## ATUR CARA

2.00 petang –  
3.30 petang

: SESI III

**Moderator: YBrs. Encik Wan Ahmad Izzat bin Wan Ahmad Sanadi**  
*Associate, Pengurusan Syariah PNB*

### HIBAH BERSYARAT

**Panel: YBrs. Datin Dr. Noor Lizza binti Mohamed Said**

*Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

3.30 petang –  
5.00 petang

: SESI IV

**Moderator: YBrs. Encik Muhammad Nur Akmal Adib bin Abdul Samad**  
*Pegawai Penyelidik, Pusat SYARAK,  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*

### DOKUMENTASI HIBAH

**Panel: YBrs. Tuan Mohd Faiz bin Adnan**

*Peguam Syarie (Tetuan Faiz Adnan & Associates)*

5.00 petang

: Minum petang dan bersurai